


KERAJAAN NEGERI KELANTAN

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN
BILANGAN 16 TAHUN 2019**

**CADANGAN UNTUK MENDAPATKAN KELULUSAN LAPORAN PENILAIAN
KESAN ALAM SEKELILING (EIA) TERLEBIH DAHULU SEBELUM
PENGELUARAN SURAT KEBENARAN SKIM PENGENDALIAN MELOMBONG
(SKSPM) BAGI OPERASI MELOMBONG OLEH PEMEGANG TENEMEN
MINERAL YANG TERTAKLUK KEPADA SYARAT DI BAWAH SEKSYEN 64(1)
ENAKMEN MINERAL 2001**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Pihak Berkuasa Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan kali ke 16/2019 yang telah bersidang pada 31 Julai 2019 telah menimbang dan meluluskan cadangan untuk mendapatkan kelulusan laporan Penilaian Kesan Alam Sekeliling (EIA) terlebih dahulu sebelum pengeluaran Surat Kebenaran Skim Pengendalian Melombong (SKSPM) bagi operasi melombong oleh pemegang tenemen mineral yang tertakluk kepada syarat di bawah Seksyen 64(1) Enakmen Mineral 2001.

2. Selaras dengan keputusan tersebut, Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan hendaklah memaklumkan kepada pemegang tenemen mineral, Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kelantan dan Pengarah Jabatan Mineral Dan Geosains Negeri Kelantan sekiranya kawasan yang diluluskan tertakluk kepada kelulusan Penilaian Kesan Alam Sekeliling (EIA).
3. Pemegang tenemen yang terlibat sebagaimana di perenggan 2 hendaklah mematuhi peruntukan Seksyen 64(1) Enakmen Mineral 2001 dan hendaklah mendapatkan kelulusan Penilaian Kesan Alam Sekeliling (EIA) terlebih dahulu sebelum Surat Kebenaran Skim Pengendalian Melombong (SKSPM) dapat dikeluarkan oleh Pengarah Jabatan Mineral Dan Geosains Negeri Kelantan bagi menjalankan operasi perlombongan.
4. Sehubungan dengan itu, semua Pentadbir Tanah hendaklah mengambil tindakan yang sewajarnya.
5. Pekeliling ini hendaklah berkuatkuasa serta merta



.....
DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL, D.P.S.K (Kelantan), K.M.N.
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN.

KEPADA :

Yang Amat Berusaha,
Semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA :

1. YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YABrs. Pengarah Jabatan Mineral Dan Geosains Negeri Kelantan
8. YABrs. Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan
9. YBr. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3 KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU, KELANTAN

NO. FAIL	: PTG.KN.4/2/163(6)
BERTARIKH	: 03 MUHARRAM 1441H
	03 SEPTEMBER 2019